

ULTIBRO[®] BREEZHALER[®] Inhalation Powder Hard Capsules

Indacaterol Maleate dan Glycopyrronium Bromide (110/50 microgram)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ultibro Breezhaler
2. Bagaimana Ultibro Breezhaler berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan Ultibro Breezhaler
4. Cara menggunakan Ultibro Breezhaler
5. Semasa menggunakan Ultibro Breezhaler
6. Kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Ultibro Breezhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Arahan untuk penggunaan Alat Sedut Ultibro Breezhaler

Apakah kegunaan Ultibro Breezhaler
Ultibro Breezhaler mengandungi bahan aktif yang dinamakan *indacaterol maleate* dan *glycopyrronium bromide*. *Indacaterol* adalah *long-acting beta₂-adrenergic agonist* dan *glycopyrronium* adalah *long-acting muscarinic antagonist*. Ubat-ubat ini, *indacaterol* dan *glycopyrronium*, tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan bronkodilator (*bronchodilator*). Anda menyedut ubat ini dengan menggunakan alat yang dinamakan *inhaler* atau alat sedut (gunakan *inhaler* Ultibro Breezhaler yang terdapat dalam pek ini sahaja). *Inhaler* Ultibro Breezhaler membolehkan anda menyedut ubat yang terkandung dalam kapsul. Ultibro Breezhaler digunakan untuk menyenangkan pernafasan bagi orang yang mengalami kesulitan untuk bernafas disebabkan penyakit paru-paru yang dinamakan penyakit sekatan pulmonari kronik (*Chronic obstructive pulmonary disease, COPD*). Apabila disedut, ubat ini membantu anda bernafas dengan lebih mudah. Jika anda menggunakan Ultibro Breezhaler sekali sehari, ia akan membantu mengurangkan kesan COPD ke atas kehidupan anda setiap hari.

Bagaimana Ultibro Breezhaler berfungsi

Dalam COPD, otot di sekeliling saluran pernafasan mengecut, menjadikan pesakit sukar bernafas.

Ultibro Breezhaler menyekat pengecutan otot dalam paru-paru, memudahkan udara masuk dan keluar daripada paru-paru.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang bagaimana Ultibro Breezhaler berfungsi atau mengapa anda diberi preskripsi ubat ini, tanyalah doktor anda.

Sebelum anda menggunakan Ultibro Breezhaler

Ikut semua arahan doktor dengan teliti. Ia mungkin berlainan daripada maklumat am yang terkandung dalam risalah ini.

Bila anda tidak boleh menggunakannya

- Jika anda pernah mengalami tindak balas alahan atau luar biasa terhadap bahan aktif, *indacaterol* atau *glycopyrronium*, atau sebarang bahan lain dalam produk ini yang disenaraikan di hujung risalah.

Jika anda mengalami keadaan ini, beritahu doktor anda tanpa menggunakan Ultibro Breezhaler. Jika anda fikir anda mungkin alah, minta nasihat daripada doktor anda

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau anda fikir anda mengandung atau merancang untuk mengandung atau jika anda menyusukan anak, beritahu doktor anda yang akan membincangkan dengan anda sama ada anda boleh menggunakan Ultibro Breezhaler. Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat.

Doktor anda akan membincangkan dengan anda risiko pengambilan Ultibro Breezhaler semasa mengandung.

Sebelum anda mula menggunakannya

Sebelum menggunakan Ultibro Breezhaler, beritahu doktor anda jika anda mengalami mana-mana keadaan berikut:

- jika anda menghidap asma (dalam kes ini anda tidak sepatutnya dirawat dengan Ultibro Breezhaler)
- jika anda mengalami masalah jantung
- jika anda menghidap ‘*seizures*’ atau sawan.
- jika anda mengalami masalah kelenjar tiroid

- jika anda menghidap kencing manis
- jika anda mengambil ubat yang serupa untuk penyakit paru-paru anda (lihat bahagian “Mengambil ubat lain”)
- jika anda mengalami masalah buah pinggang
- jika anda mengalami masalah hati yang teruk
- jika anda mengalami masalah mata yang dinamakan glaukoma sudut sempit (*narrow-angle glaucoma*)
- jika anda mengalami kesukaran untuk membuang air kecil

Mengambil Ultibro Breezhaler dengan makanan atau minuman

Anda boleh menyedut Ultibro Breezhaler pada bila-bila masa sebelum atau selepas makan atau minum.

Orang tua (75 tahun atau ke atas)

Anda boleh menggunakan Ultibro Breezhaler jika anda berusia 75 tahun dan ke atas, dan dengan dos yang sama seperti untuk orang dewasa.

Kanak-kanak dan remaja (kurang daripada 18 tahun)

Anda tidak sepatutnya menggunakan Ultibro Breezhaler jika anda berusia bawah 18 tahun.

Ultibro Breezhaler mengandungi laktosa (lactose)

Ubat ini mengandungi laktosa (23.5mg per kapsul). Jika anda tidak bertoleransi dengan gula selepas diberitahu oleh doktor, anda perlu berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Jika mengambil ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah mengambil ubat lain baru-baru ini, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Ini secara khusus termasuk ubat berikut:

- ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan (seperti *tricyclic antidepressants, monoamine oxidase inhibitors*)
- ubat untuk penyakit paru-paru anda yang mengandungi bahan aktif serupa (sama kelas) dengan yang terkandung dalam Ultibro Breezhaler (penggunaan ubat ini boleh meningkatkan risiko anda mendapat kesan sampingan)

- ubat yang menurunkan tahap kalium dalam darah anda. Ini termasuk diuretik (juga dikenali sebagai “pil air” dan digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, seperti *hydrochlorotiazide*), bronkodilator lain seperti *methylxanthine* yang digunakan untuk masalah pernafasan (seperti *theophylline*) atau steroid (seperti *prednisolone*)
- *beta-blockers* digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi atau masalah jantung yang lain (seperti *propranolol*) atau dalam rawatan glaukoma (seperti *timolol*)

Cara menggunakan Ultibro Breezhaler

Sentiasa gunakan ubat ini betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan kepastian daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. Jangan melebihi dos yang diarahkan oleh doktor. Dalam pek ini, anda akan mendapati satu alat sedut (*inhaler*) dan kapsul (dalam kepingan *blister*) yang mengandungi ubat serbuk penyedutan.

- Gunakan alat sedut dalam pek ini sahaja (alat sedut Ultibro Breezhaler) untuk menyedut serbuk dalam kapsul.
- Jangan telan kapsul.
- Kapsul hendaklah sentiasa disimpan dalam kepingan *blister* dan hanya dikeluarkan sebaik sebelum digunakan.
- Bila anda memulakan pek baru, gunakan alat sedut Ultibro Breezhaler baru yang dibekalkan dalam pek baru.
- Lupuskan setiap alat sedut selepas digunakan selama 30 hari.

Pastikan anda membaca arahan cara untuk menggunakan alat sedut Ultibro Breezhaler yang disediakan di penghujung risalah ini.

Berapa banyak Ultibro Breezhaler perlu digunakan

Dos biasa adalah penyedutan kandungan satu kapsul setiap hari. Jangan gunakan lebih daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

Bila untuk menggunakan Ultibro Breezhaler

Anda hanya perlu menyedut ubat ini sekali sehari untuk membantu anda bernafas dengan lebih mudah kerana Ultibro Breezhaler boleh tahan selama 24 jam.

Menyedut Ultibro Breezhaler pada masa yang sama setiap hari akan membantu mengurangkan gejala anda

sepanjang hari dan malam, dan akan juga membantu mengingatkan anda untuk menyedut ubat anda.

Berapa lama untuk menggunakan Ultibro Breezhaler

Teruskan penggunaan Ultibro Breezhaler selagi diarahkan oleh doktor anda.

COPD adalah penyakit jangka panjang dan anda hendaklah menggunakan Ultibro Breezhaler setiap hari dan bukan hanya apabila anda mengalami masalah pernafasan atau gejala COPD. Jika anda mempunyai kemusykilan tentang berapa lama untuk mengambil Ultibro Breezhaler, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda terlupa untuk menggunakan Ultibro Breezhaler

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil satu dos dengan secepat mungkin tetapi jangan ambil dua dos pada hari yang sama. Kemudian ambil dos seterusnya seperti biasa.

Jika anda menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah menyedut terlalu banyak Ultibro Breezhaler atau jika orang lain secara tidak sengaja telah menggunakan kapsul anda, segera hubungi doktor atau hospital untuk mendapatkan nasihat. Tunjukkan pek Ultibro Breezhaler. Perhatian perubatan mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan Ultibro Breezhaler

Perkara yang perlu dilakukan

Semasa rawatan dengan Ultibro Breezhaler, beritahu doktor anda dengan segera:

- Jika anda mengalami rasa sesak dada, batuk, berdehit atau sesak nafas sebaik sahaja menggunakan Ultibro Breezhaler (tanda *bronchospasm*)
- Jika anda mengalami kesukaran untuk bernafas atau menelan, bengkak lidah, bibir dan muka, ruam kulit, kegatalan (tanda tindak balas alahan)
- Jika gejala COPD anda (sesak nafas, berdehit, batuk) tidak berkurangan atau jika bertambah teruk semasa rawatan
- Berhenti mengambil Ultibro Breezhaler dan segera beritahu doktor anda jika anda mengalami sakit mata atau rasa tidak selesa, keaburan penglihatan sementara, *visual halos* atau imej berwarna yang dikaitkan dengan mata merah; ini mungkin tanda-tanda serangan

akut glaukoma sudut sempit (*narrow-angle glaucoma*).

Ultibro Breezhaler digunakan sebagai rawatan penyenggaraan bagi penyakit COPD anda. Jangan gunakan Ultibro Breezhaler untuk merawat serangan mengejut sesak nafas atau apabila anda berdehit.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan kapsul Ultibro Breezhaler. Jangan berhenti mengambil ubat ini melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa mendapat nasihat daripada doktor anda. Jangan beri Ultibro Breezhaler kepada orang lain, walaupun jika mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini membuat anda rasa nak muntah, pening atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan sampingan

Seperti semua ubat, pesakit yang menggunakan Ultibro Breezhaler boleh mengalami kesan sampingan, tetapi bukan semua orang mengalaminya.

Sesetengah kesan sampingan boleh menjadi serius

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, jangan gunakan ubat dan segera beritahu doktor anda.

Umum: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh sehingga 1 daripada setiap 10 orang.

- Terlalu dahaga, banyak kencing, selera bertambah tetapi berat badan turun, keletihan (tahap gula dalam darah tinggi dikenali sebagai hiperglisemia (*hyperglycaemia*))
- Kesukaran pernafasan atau menelan, bengkak lidah, bibir dan muka, ruam kulit, kegatalan, dan geligata. (gejala tindak balas alahan)

Tidak Umum: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh sehingga 1 daripada setiap 100 orang.

- Penglihatan berubah, peningkatan tekanan dalam mata, keaburan penglihatan sementara, visual halos atau imej berwarna yang dikaitkan dengan mata merah (ini mungkin tanda glaukoma).

- Sakit dada yang teruk dengan banyak berpeluh (tanda kekurangan bekalan darah dan oksigen ke jantung dan ini mungkin menandakan masalah jantung yang serius seperti penyakit jantung iskemia).
- Denyutan jantung tidak tetap.
- Kesukaran bernafas dengan berdehrit atau batuk. (gejala *paradoxical bronchospasm*)

Tidak diketahui: Kekerapan tidak dapat dianggar berdasarkan data yang sedia ada)

- Bengkak kebanyakannya pada lidah, bibir, muka dan kerongkong (kemungkinan tanda *agionedema*)

Kesan Sampingan Lain-lain yang berkemungkinan

Kesan sampingan yang lain disenaraikan di bawah. Jika kesan sampingan ini jadi teruk, sila beritahu doktor, ahli farmasi atau anggota kesihatan yang lain.

Sangat Umum: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh melebihi 1 daripada setiap 10 orang

- Hidung tersumbat, bersin, batuk, sakit kepala dengan demam atau tanpa demam (tanda jangkitan di bahagian atas saluran pernafasan).

Umum: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh sehingga 1 daripada setiap 10 orang.

- Kombinasi sakit tekak, hidung berair (tanda *nasopharyngitis*).
- Jangkitan saluran kencing: rasa sakit dan kekerapan kencing (tanda *cystitis*).
- Rasa tekanan atau sakit dalam pipi dan dahi (mungkin gejala *sinusitis* atau *sinus congestion*).
- Hidung berair atau tersumbat.
- Pening.
- Sakit kepala.
- Batuk.
- Sakit tekak.
- Sakit perut, ketakcernaan.
- Kereputan gigi
- Demam.
- Sakit dada.
- Kesusahan dan kesakitan semasa kencing (mungkin gejala-gejala sumbatan pundi atau sekatan kencing)

Tidak Umum: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh sehingga 1 daripada setiap 100 orang.

- Sakit dalam otot, ligamen, tendon, sendi, dan tulang.
- Masalah tidur.
- Denyutan jantung yang cepat.
- Mulut kering.
- Gatal/ruam.
- Kejang otot.
- Sakit, sengal atau nyeri otot.

- Hidung berdarah.
- Bengkak tangan, buku lali dan kaki
- Keletihan.
- Mual, muntah, cirit-birit dan sakit perut (kemungkinan gejala 'gastroenteritis')
- Sakit kaki dan tangan.

Jarang: Kesan sampingan ini boleh dialami oleh sehingga 1 daripada 1,000 orang.

- Rasa menggelenyar atau kebas, kulit kurang sensitif.

Jika anda mendapati sebarang kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Penyimpanan dan Pelupusan Ultibro Breezhaler

Penyimpanan

- Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.
 - Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C
 - Simpan ubat ini di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.
 - Simpan dalam pembungkusan asal untuk melindungi daripada haba dan lembapan dan jangan keluarkan sehingga sebaik sebelum penggunaannya.
 - Jangan gunakan ubat ini jika anda mendapati pembungkusannya rosak atau menunjukkan tanda telah dibega
- ##### Pelupusan
- Setiap alat sedut hendaklah dilupuskan selepas digunakan selama 30 hari.
 - Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.


Maklumat lanjut

Rupa dan warna

Dalam pek ini, anda akan mendapati satu alat yang dinamakan alat sedut (*inhaler*) bersama dengan kapsul dalam kepingan *blister*.

Kapsul lut sinar dengan penutup kuning lut sinar mengandungi serbuk putih, dengan kod produk "IGP110.50"

tercetak dalam warna biru di bawah dua palang biru pada badan kapsul dan logo

syarikat () tercetak dalam warna hitam pada penutup. Setiap kapsul mengandungi bahan aktif 110 mikrogram *indacaterol* dan 50 mikrogram *glycopyrronium bromide*.

Bahan kandungan:

Bahan aktif

Bahan aktif adalah *indacaterol maleate* dan *glycopyrroniumbromide*. Setiap kapsul mengandungi 143 mikrogram *indacaterol maleate* bersamaan 110 mikrogram *indacaterol* dan 63 mikrogram *glycopyrronium bromide* bersamaan 50 mikrogram *glycopyrronium*.

Bahan tidak aktif

Bahan lain dalam serbuk penyedutan adalah:

- Isi kapsul: *Lactose monohydrate*, *magnesium stearate*
- Komponen kulit kapsul: *Hypromellose*, air tulen, *carrageenan*, *potassium chloride*, *FD&C Yellow5/Tartrazine*

Saiz pek:

Setiap pek Ultibro Breezhaler mengandungi 30 kapsul dan 1 alat sedut.

Nombor MAL: MAL15025045ARZ

Pengilang

Novartis Pharma Stein AG, Schaffhauserstrasse, CH-4332 Stein, Basle, Switzerland

Pemegang Pendaftaran Produk

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd
Level 22, Tower B, Plaza 33
No 1 Jalan Kemajuan, Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Malaysia

Maklumat Dikeluarkan
14 Jul 2016

Tarikh Kemaskini RiMUP
15 Oct 2017

Nombor Siri

NPRA (R1/1) 10012018/007

ARAHAN UNTUK PENGGUNAAN ALAT SEDUT ULTIBRO® BREEZHALER®


Bahagian ini menerangkan cara untuk menggunakan dan menjaga alat sedut Ultibro Breezhaler anda. Sila baca dengan teliti dan ikut semua arahan.

Anda juga patut membaca bahagian cara untuk menggunakan Ultibro Breezhaler dalam risalah ini. Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Pek Ultibro Breezhaler anda

Satu pek Ultibro Breezhaler mengandungi:

- satu alat sedut Ultibro Breezhaler
- satu atau beberapa kepingan *blister* mengandungi kapsul Ultibro Breezhaler untuk digunakan dalam alat sedut



Gunakan alat Ultibro Breezhaler yang terkandung dalam pek ini sahaja. Jangan gunakan kapsul Ultibro Breezhaler dengan sebarang alat sedut lain, dan jangan gunakan alat sedut Ultibro Breezhaler untuk mengambil sebarang ubat kapsul lain. Lupuskan setiap alat sedut selepas digunakan selama 30 hari. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan alat sedut yang tidak lagi diperlukan.

Jangan telan kapsul Ultibro Breezhaler. Serbuk dalam kapsul adalah untuk disedut.

Cara menggunakan alat sedut anda




Tarik penutup.



Buka alat sedut:


Pegang tapak alat sedut dengan erat dan sendengkan pelekap mulut untuk membuka alat sedut.



Sediakan kapsul:

Asingkan satu *blister* daripada jalur *blister* dengan mengoyakkan garis tebukan.

Ambil *blister* yang diasingkan dan koyak lapis perlindungan belakangnya untuk mengeluarkan kapsul. Jangan tolak kapsul hingga tembus kerajang.



Keluarkan satu kapsul ULTIBRO:

Kapsul hendaklah sentiasa disimpan dalam *blister* dan hanya dikeluarkan sebaik sebelum digunakan. Keluarkan satu kapsul daripada *blister* dengan tangan kering. Jangan telan kapsul ULTIBRO.




Masukkan kapsul:

Letakkan kapsul dalam kebuk kapsul. **Jangan sama sekali meletakkan kapsul terus ke dalam pelekap mulut.**




Tutup alat sedut:

Tutup alat sedut sepenuhnya. Anda patut dengar bunyi 'klik' apabila ia ditutup sepenuhnya.




Tebuk kapsul:

Pegang alat sedut tegak ke atas dengan pelekap mulut menghala ke atas. Tekan kedua-dua butang serentak dengan kuat. Anda patut mendengar bunyi 'klik' apabila kapsul ditebuk. **Jangan tekan butang penebuk lebih daripada sekali.**




Lepaskan butang sepenuhnya.



Hembus nafas:

Sebelum meletakkan pelekap mulut ke dalam mulut anda, hembus nafas sepenuhnya.

Jangan sama sekali hembus ke dalam pelekap mulut.




Sedut ubat:

Sebelum tarik nafas:

- Pegang alat sedut seperti yang ditunjukkan dalam gambar dengan butang di kiri dan kanan (bukan atas dan bawah).
- Letakkan pelekap mulut dalam mulut dan ketap bibir keliling pelekap mulut dengan kuat.

Tarik nafas dengan cepat tetapi kuat, sedalam yang boleh. **Jangan tekan butang penebuk.**



Perhatian:

Apabila anda menarik nafas menerusi alat sedut, kapsul berpusing dalam kebuk dan anda patut mendengar bunyi deruan. Anda akan rasa manis apabila ubat masuk ke dalam paru-paru anda.

Jika anda tidak mendengar bunyi deruan, kapsul mungkin tersangkut dalam kebuk kapsul. Jika ini berlaku, buka alat sedut dan perlahan-lahan lepaskan kapsul dengan mengetuk tapak alat sedut. **Jangan tekan butang penebuk untuk melepaskan kapsul.** Ulang langkah 9 dan 10 jika perlu.


**Tahan nafas:**

Terus tahan nafas anda untuk sekurang-kurangnya 5-10 saat atau selama yang anda rasa selesa sambil mengeluarkan alat sedut daripada mulut anda. Kemudian hembus nafas.

Buka alat sedut untuk melihat sama ada terdapat sebarang serbuk yang tertinggal dalam kapsul. **Jika masih ada serbuk dalam kapsul**, tutup alat sedut dan ulang langkah 9 hingga 12.

Kebanyakan orang dapat mengosongkan kapsul dengan satu atau dua sedutan.

Sesetengah orang terbatuk sebaik sahaja menyedut ubat. Jika anda terbatuk, jangan bimbang, kerana jika kapsul kosong, bermakna anda mendapat dos penuh.

**Keluarkan kapsul:**

Selepas habis mengambil dos harian ULTIBRO BREEZHALER anda, buka pelekap mulut sekali lagi, keluarkan kapsul kosong dengan menyendengkan kebuk kapsul. Tutup alat sedut dan letakkan semula penutupnya.

Jangan simpan kapsul dalam alat sedut ULTIBRO BREEZHALER.

INGAT:

- **Jangan telan kapsul Ultibro Breezhaler.**
- **Gunakan alat sedut Ultibro Breezhaler yang terkandung dalam pek ini sahaja.**
- Kapsul ULTIBRO BREEZHALER mesti sentiasa disimpan dalam *blister*, dan hanya dikeluarkan sebaik sebelum digunakan.
- Jangan sama sekali meletakkan kapsul ULTIBRO BREEZHALER terus ke dalam pelekap mulut alat sedut ULTIBRO BREEZHALER.
- Jangan tekan butang penebuk lebih daripada sekali.
- Jangan sama sekali menghembus nafas ke dalam alat sedut ULTIBRO BREEZHALER.
- Sentiasa lepaskan butang sebelum menyedut ubat.
- Jangan sama sekali membasuh alat sedut ULTIBRO BREEZHALER

dengan air. Simpan dalam keadaan kering. Lihat di bawah “Cara untuk membersihkan alat sedut anda”.

- Jangan sama sekali menanggalkan alat sedut ULTIBRO BREEZHALER.
- Sentiasa gunakan alat sedut ULTIBRO BREEZHALER baru yang terdapat dalam pek ubat ULTIBRO BREEZHALER baru.
- Jangan simpan kapsul dalam alat sedut ULTIBRO BREEZHALER.
- Sentiasa simpan alat sedut ULTIBRO BREEZHALER dan kapsul ULTIBRO BREEZHALER di tempat yang kering.

Maklumat tambahan

Sesekali, serpihan kapsul yang sangat halus boleh melepasi penapis dan masuk ke dalam mulut anda. Jika ini berlaku, anda boleh merasai serpihan ini pada lidah anda. Serpihan ini tidak mendatangkan mudarat jika ditelan atau disedut. Kemungkinan kapsul bersepai meningkat jika kapsul ditebuk lebih daripada sekali (langkah 7).

Cara untuk membersihkan alat sedut anda

Jangan sama sekali membasuh alat sedut anda dengan air. Jika anda ingin membersihkan alat sedut anda, kesat bahagian luar dan dalam pelekap mulut dengan kain kasa yang bersih dan kering untuk membersihkan sebarang sisa serbuk. Pastikan alat sedut sentiasa kering.